



24 NOV, 2025

TNB pasang `genset` pulih bekalan elektrik terganggu

Harian Metro, Malaysia



TINJAUAN sekitar blok B pangsapuri SS8, Kelana Jaya selepas kejadian suis bekalan elektrik utama Tenaga Nasional Berhad (TNB) meletup.

TNB pasang `genset` pulih bekalan elektrik terganggu

Kuala Lumpur: Bekalan elektrik yang terjejas susulan kejadian kebakaran di Bilik *Main Switch Board* (MSB) di bawah badan pengurusan bersama (JMB) pangsapuri SS8, Kelana Jaya pada Rabu lalu dipulihkan sementara pada tengah malam kelmarin.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam kenyataan semalam memaklumkan bekalan elektrik sementara melalui set jana kuasa bergerak (*genset*) disalurkan kepada penduduk jam 12.10 tengah malam selepas JMB menyiapkan kerja- pembaikan pada komponen diperlukan untuk penyambungan *genset*.

"Bekalan sementara ini disediakan demi kesela-

matan dan keselesaan penduduk sementara menunggu kerja pembaikan penuh di MSB milik JMB disiapkan kontraktor bangunan," menurut kenyataan TNB di laman Facebook rasmi.

Kenyataan memaklumkan TNB terus memantau dan bersedia memberikan bantuan teknikal kepada kontraktor bangunan sekiranya diperlukan.

Baru-baru ini, tular video menerusi media sosial yang memaparkan sebuah blok pangsapuri bergelap selepas berlaku kebakaran di bilik MSB di bawah pengurusan JMB, sekali gus menjejaskan urusan harian lebih 1,000 penduduk.